

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR OTHMAN**  
**[ NIBONG TEBAL ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan gaji pekerja di Malaysia rendah. Apakah tindakan diambil oleh Kerajaan bagi menaikkan tangga gaji pekerja supaya seimbang dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara faktor-faktor yang menyebabkan gaji pekerja Malaysia masih rendah adalah seperti berikut:
  - (i) Pasaran buruh masih mencipta pekerjaan yang berkemahiran dan berteknologi rendah. Keadaan ini disebabkan masih terdapat segelintir majikan tidak bersedia untuk melabur dalam meningkatkan produktiviti dan latihan pekerja tempatan. Merujuk kepada laporan *The Global Competitiveness 2017–2018* menyatakan Malaysia di tangga ke-46 daripada 137 negara dunia bagi persediaan teknologi dengan mata sebanyak 4.90 berbanding negara jiran, Singapura sebanyak 6.09 mata dan Jepun 5.72 mata.
  - (ii) Merujuk Laporan Ekonomi Alliance Bank Malaysia Bhd., kewujudan sekurang-kurangnya dua juta pekerja asing menyebabkan pertumbuhan gaji yang rendah pada kadar 2.4%.

## SOALAN NO : 115

- Kadar gaji harus berkembang pada purata pelarasan inflasi tahunan 3.5% untuk membolehkan negara mencapai status berpendapatan tinggi. Lambakan pekerja asing juga menyebabkan pekerja tempatan mempunyai kurang kuasa berunding dalam industri.
- (iii) Ketidakpadanan bekalan/ pasaran buruh dan permintaan industri (*mismatch between labour supply and industry demand*) secara tidak langsung menyebabkan industri memberikan gaji tidak setimpal dengan kelayakan (*highly skilled, but low wages*) dan menyebabkan perkembangan gaji agak perlahan. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2017, kesan tidak langsung daripada situasi ketidakpadanan pasaran buruh menyebabkan peningkatan gaji median bagi pekerja tempatan hanya mencatatkan peningkatan yang perlahan pada kadar 27.1 peratus, iaitu RM1,700 pada tahun 2013 kepada RM2,160 pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan dan meneliti beberapa inisiatif dasar yang bersesuaian untuk mengatasi masalah ini. Antara tindakan dan pendekatan bagi meningkatkan kadar gaji sedia ada adalah seperti berikut:

- (i) mengkaji semula Perintah Gaji Minimum (PGM) sekurang-kurangnya sekali setiap 2 tahun seperti mana yang ditetapkan dalam Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732). Ini adalah antara pendekatan untuk meneliti kadar gaji minimum agar sentiasa selari dengan situasi ekonomi semasa;
- (ii) pelaksanaan *Productivity-Linked Wage System* (PLWS) merupakan salah satu pendekatan yang boleh meningkatkan gaji dan seterusnya meningkatkan produktiviti dalam masa yang sama. Pelaksanaan PLWS ini juga merupakan langkah

## SOALAN NO : 115

- yang bertujuan untuk menggalakkan industri memberikan faedah-faedah yang sewajarnya kepada pekerja susulan peningkatan produktiviti.
- (iii) menambah nilai kerja melalui peningkatan kemahiran, inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti pekerja di negara ini dan meningkatkan rantai pengeluaran agar dapat berdaya saing di peringkat antarabangsa;
  - (iv) menarik lebih banyak *Foreign Direct Investment* (FDI) atau *Domestic Direct Investment* (DDI) yang menyumbangkan terhadap penghasilan *high value job* dan *knowledge worker* (k-worker). Oleh yang demikian, negara perlu bersifat selektif dalam menarik pelaburan dengan tidak lagi menarik pelaburan yang berintensifkan buruh (*labour intensive*) dan bergaji rendah (*low paying jobs*). Penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value job* dan k-worker adalah amat wajar kerana kadar upah yang tinggi dinikmati oleh golongan ini adalah antara penyumbang terbesar dalam peningkatan peratusan kadar upah kepada KDNK seperti yang dinikmati negara maju; dan
  - (v) mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing tidak mahir (*unskilled*) yang bergaji rendah (*low pay jobs*). Langkah ini perlu diambil kerana pekerja asing tidak mahir yang bergaji rendah adalah antara penyumbang terhadap peratusan kadar upah yang rendah berbanding KDNK negara.
3. Kesimpulannya Kerajaan yakin dasar-dasar yang dilaksanakan dapat memastikan hak para pekerja sentiasa terpelihara dan Kerajaan juga akan sentiasa menambah baik inisiatif sedia ada agar hasrat negara menjadi negara maju berpendapatan tinggi dapat dicapai.